

KETAGIHAN TELEFON PINTAR DAN KETAGIHAN INTERNET SEBAGAI PERAMAL KEPADA HUBUNGAN SOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

NURUL HUSNA MORAD¹ AND R ZIRWATUL AIDA R IBRAHIM^{1*}

¹Faculty of Business, Economics and Social Development, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

*Corresponding author: zirwatul@umt.edu.my

<https://doi.org/10.46754/umtjur.v4i2.275>

Abstrak: Ketagihan teknologi merupakan suatu fenomena yang membimbangkan yang boleh mempengaruhi kesejahteraan individu. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji ketagihan telefon pintar dan Internet sebagai faktor peramal kepada hubungan sosial dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Dengan menggunakan pensampelan rawak berstrata, seramai 300 orang responden menjawab soal selidik berkaitan dengan *Smartphone Addiction Scale Short Version*, *Internet Addiction Test* dan *Social Connectedness Scale-Revised*. Perisian *Statistical Packages for Social Science (SPSS- Versi 25)* digunakan untuk menganalisis statistik deskriptif dan inferensi. Hasil kajian menunjukkan bahawa hanya ketagihan Internet merupakan faktor peramal yang signifikan kepada hubungan sosial pelajar. Kajian ini turut membincangkan implikasi kajian dalam mengenal pasti faktor peramal yang paling dominan kepada hubungan sosial dalam kalangan pelajar universiti dan menyumbang kepada kesusasteraan ketagihan teknologi terutama yang melibatkan responden Pantai Timur.

Kata kunci: Telefon pintar, ketagihan Internet, hubungan sosial, universiti, pelajar.

SMARTPHONE AND INTERNET ADDICTION AS PREDICTORS OF SOCIAL CONNECTEDNESS AMONG UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU STUDENTS

Abstract: Technology addiction is a worrying phenomenon that might impact an individual's wellbeing. The purpose of this study is to examine smartphone and Internet addiction as the predictors of social connectedness among University Malaysia Terengganu (UMT) students. Using stratified random sampling, a total of 300 participants responded to self-administrative questionnaires consisting of the *Smartphone Addiction Scale Short Version*, *Internet Addiction Test*, and *Social Connectedness Scale-Revised*. Descriptive and inferential statistics were analyzed using the *Statistical Packages of Social Science (SPSS-Version 25)*. The results revealed that only Internet addiction significantly predicted students' social connectedness ($\beta=-0.36$, $p<0.05$). The study provides insight into discussing the implication of identifying the most prominent predictor of socially connected among university students and contributes to the literature on technology addiction especially involving Eastern culture respondents.

Keywords: Smartphone, Internet addiction, social connectedness, university, students.

PENGENALAN DAN PERMASALAH KAJIAN

Teknologi komunikasi dan maklumat pada masa kini telah mengalami evolusi yang semakin canggih dan banyak menghasilkan pelbagai jenis peranti termasuk telefon pintar bagi memudahkan manusia berhubung antara satu sama lain. Variasi kefungsiian telefon pintar

yang serba canggih menyebabkan ia menjadi satu keperluan dalam menjalankan rutin kehidupan. Berdasarkan statistik daripada Pew Research Center, lebih daripada lima bilion manusia mempunyai telefon mudah alih dan separuh daripadanya ialah telefon pintar (Taylor & Silver, 2019).

Pada masa yang sama, Internet digunakan bagi mengakses aplikasi-aplikasi yang terdapat di dalam telefon pintar, sama ada untuk mengakses maklumat, bermain permainan secara dalam talian, berhubung melalui laman sosial Facebook, Instagram, dan sebagainya. Justeru, melalui Internet yang diakses dengan menggunakan telefon pintar, ia dapat memudahkan urusan manusia untuk pelbagai tujuan tanpa mengira sempadan masa dan tempat. Sehubungan itu, kini Internet telah mempunyai lebih daripada 300,000 ribu rangkaian di seluruh dunia (Almagor, 2011).

Selaras dengan keperluan masa kini, telefon pintar dan Internet menjadi satu medium dalam bidang pendidikan terutamanya kepada para pelajar yang sedang menuntut ilmu. Gaya pembelajaran pada abad ke-21 ini yang menitikberatkan kaedah penggunaan teknologi dalam pendidikan menjadi justifikasi kepada pemilikan telefon pintar dalam kalangan pelajar. Tambahan lagi, ciri-ciri fizikalnya yang tidak besar dan berat memberi kelebihan kepada para pelajar untuk mengakses Internet pada bila-bila masa dan di mana jua mereka berada. Oleh yang demikian, tidak mustahil setiap pelajar daripada pelbagai peringkat pengajian mempunyai telefon pintar masing-masing dan menggunakannya untuk pelbagai tujuan selain pendidikan.

Impak daripada penggunaan telefon pintar dan Internet yang berlebihan boleh mendorong kepada kebergantungan dan ketagihan. Rentetan itu, kedua-dua teknologi ini memberi gangguan kepada hubungan sosial individu bersama masyarakat di sekeliling. Kajian oleh Casey dalam Wong, Tho, dan Sin (2015), melaporkan bahawa individu yang menghabiskan masa dengan telefon pintar mengalami masalah dari segi komunikasi interpersonal. Hal ini disebabkan keasyikan dan ketekunan menggunakan telefon pintar tersebut. Individu berusia 18 hingga 30 tahun adalah yang paling terjejas dalam interaksi sosial mereka disebabkan kebergantungan terhadap teknologi itu yang menjadi medium utama komunikasi mereka.

Garima dan Anita (2014) menyimpulkan bahawa Internet membataskan dan mengganggu interaksi sosial individu bersama orang di sekeliling yang mendorong individu untuk mengasingkan diri daripada masyarakat. Menurut Savci dan Aysan (2017), walaupun telefon pintar dan Internet mampu menghubungkan atau menguatkan perhubungan antara individu, namun dengan penggunaan yang berlebihan terhadap kedua-duanya boleh mendorong individu untuk terasing daripada perhubungannya dalam dunia realiti. Apabila perkara itu berlaku, individu akan menganggap dirinya bukan sebahagian daripada perhubungan tersebut.

KAJIAN LITERATUR

Ketagihan Telefon Pintar dan Ketagihan Internet: Definisi

Menurut Mohammad (2017), ketagihan telefon pintar merujuk kepada ‘penyalahgunaan telefon pintar’, ‘pergantungan telefon pintar’, ‘nomophobia’, ‘tingkah laku kompulsif’, dan ‘penggunaan telefon pintar maladaptif’. Ketagihan telefon pintar juga bermaksud penggunaan yang tidak terkawal, sering menyediakan alat pengecas telefon, dan berkeinginan untuk menggunakannya lagi setelah berhenti (Dosselaar, 2017). Kajian oleh Bolle (2014) berpendapat bahawa ketagihan berpunca daripada *habit* atau kebiasaan tingkah laku yang berulang dalam sesuatu keadaan. Justeru, ketagihan telefon pintar ini juga dikenali sebagai ketagihan tingkah laku terhadap aplikasi telefon pintar seperti menyemak, mengepos, dan berinteraksi dalam media sosial yang membawa kepada kesan negatif dalam hidup seseorang sehingga boleh diserang panik dan perasaan yang kurang menyenangkan apabila ketiadaan peranti tersebut.

Menurut Saliceti (2015), konsep bagi fenomena ketagihan Internet ini pada awalnya telah diperkenalkan oleh Ivan Goldberg pada tahun 1995 sebagai ‘patologi’, ‘kecelaruan’, ‘penggunaan teknologi berlebihan’, dan termasuk variasi jenis tingkah laku dan kawalan

impuls. Pergantungan terhadap rangkaian ini dianggap sebagai ‘patologi’, dan ‘kecelaruan obsesif-kompulsif’ yang boleh mendorong individu untuk menggunakan teknologi ini secara berlebihan dengan kawalan impuls (gerak hati). Dalam “New Research Press” (2014), ketagihan Internet dikaitkan dengan ciri-ciri perjudian dan kebergantungan bahan yang dikenali sebagai ‘patologi’ atau ‘penggunaan Internet bermasalah’. Hal ini demikian kerana seseorang individu itu tidak mampu untuk mengawal penggunaannya sehingga menyebabkan perubahan emosi, pengasingan diri, mengganggu fungsi sosial, akademik, dan pekerjaan.

Terdapat kajian yang menyatakan bahawa ketagihan telefon pintar dan ketagihan Internet adalah saling berkait kerana telefon pintar adalah berasaskan internet dan dapatan kajian menunjukkan bahawa individu yang mempunyai skor yang tinggi dalam ketagihan Internet mempunyai tahap ketagihan telefon pintar yang tinggi dan begitu juga sebaliknya (Choi, Kim, Choi, Ahn, Choi, Song, Kim, & Youn, 2015). Namun begitu, Panova dan Carbonell (2018) berpendapat kedua-dua jenis ketagihan tersebut tidak mempunyai sebarang perkaitan. Hal ini demikian kerana telefon pintar hanya berfungsi sebagai medium atau alat untuk mengakses Internet. Oleh itu, jika individu mengalami ketagihan, ia berkait dengan Internet dan bukannya telefon pintar. Tambahan lagi, terdapat kajian yang melihat kepada faktor peramal ketagihan telefon pintar dan ketagihan Internet dalam memberi kesan terhadap hubungan sosial dalam kalangan remaja. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketagihan Internet paling memberi kesan kepada hubungan sosial remaja berbanding ketagihan telefon pintar (Savci & Aysan, 2017).

Kajian Empirikal dan Impak Ketagihan Internet

Savci dan Aysan (2017) menyatakan bahawa ketagihan teknologi boleh mendorong individu untuk terasing daripada masyarakat disebabkan hubungan yang kuat dalam alam maya, lalu

menyebabkan kesunyian terhadap hubungan secara realiti. Hubungan sosial merangkumi hubungan antara individu dengan individu di sekelilingnya, iaitu keluarga, rakan-rakan, guru-guru, dan sebagainya. Sebuah kajian mengenai kesan penggunaan Internet ke atas hubungan sosial dalam sistem keluarga dijalankan oleh Khalid (2017) kepada penduduk di Lahore, Pakistan. Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah untuk melihat kesan penggunaan Internet terhadap komunikasi interpersonal dan *social capital* yang merujuk kepada hubungan, institusi, dan norma yang membantu dalam membentuk hubungan sosial bersama masyarakat. Dapatan menunjukkan 40 peratus peserta menyatakan bahawa penggunaan Internet mengurangkan hubungan emosi dalam kehidupan realiti disebabkan masyarakat lebih suka dengan hubungan secara maya dan menyebabkan kebergantungan. Ketagihan Internet boleh juga memberi kesan terhadap hubungan antara suami isteri. Kajian oleh Nik, Iza, Nor, dan Norazilah (2016) memberi penjelasan dan pemahaman tentang hubungan ketagihan Internet dengan kepuasan rumah tangga dalam kalangan lelaki dan wanita yang telah berkahwin. Kajian mendapati bahawa terdapat segelintir yang rela mengurangkan keintiman hubungannya bersama pasangan secara realiti disebabkan ketagihan Internet. Oleh itu, penggunaan Internet mempunyai keburukannya jika ia digunakan untuk mengelak daripada hubungan secara realiti dan bersemuka.

Adult Attachment Theory

Menurut Maslow dalam Savci dan Aysan (2017), hubungan sosial merupakan keperluan asas bagi setiap manusia. Melalui hubungan interpersonal yang baik individu akan berasa selamat, percaya, dan disokong serta akan mendorong kepada sendiri yang tinggi dan dapat mengurangkan masalah kesihatan. Bagi mewujudkan satu hubungan sosial yang baik, ia berkait dengan gaya hubungan ibu bapa dengan anak-anak atau *attachment styles*. Berdasarkan *Adult Attachment Theory*, perbezaan gaya hubungan ibu bapa yang diterima oleh setiap individu adalah bergantung kepada pengalaman mereka semasa kecil.

Kajian oleh Jia dan Jia dalam Jennifer (2018), gaya hubungan ibu bapa yang tidak selamat atau *insecurity* berisiko untuk mengalami ketagihan media. Justeru, *attachment styles* antara ibu bapa dengan individu semasa kecil mempengaruhi kebergantungan atau ketagihan terhadap telefon pintar dan Internet ketika dewasa.

METODOLOGI KAJIAN

Sampel kajian

Berdasarkan saiz sampel dalam jadual Krejcie dan Morgan, seramai 296 orang responden telah dipilih daripada 1,208 jumlah pelajar yang merangkumi tiga jurusan dalam Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) untuk tahun satu, dua, dan tiga dengan menggunakan pensampelan rawak berstrata secara berkadar.

Jadual 1: Saiz Sampel Kajian berdasarkan Jadual Krejcie dan Morgan

Kursus Pengajian	Tahun Pengajian	Bilangan Pelajar	Saiz Populasi (N)	Saiz Sampel (S)
Kaunseling	1, 2, 3	334		
Ekonomi	1, 2, 3	429		
POSESO	1, 2, 3	445		
Jumlah		1208	1300	297

Jadual 2: Pengiraan Sampel Kajian mengikut Persampelan Rawak Berstrata secara Berkadar

Kursus Pengajian	Tahun Pengajian	Bilangan Pelajar	Peratus (%)	Rawak Berstrata Berkadar
Kaunseling	1, 2, 3	334	$334 / 1208 \times 100$ 27.65	$27.65 / 100 \times 297$ 82
Ekonomi	1, 2, 3	429	$429 / 1208 \times 100$ 35.51	$35.51 / 100 \times 297$ 105
POSESO	1, 2, 3	445	$445 / 1208 \times 100$ 36.84	$36.84 / 100 \times 297$ 109
Jumlah		1208		296

Hasil kajian mendapati bahawa seramai 140 orang (46.7%) pelajar lelaki dan 160 orang (53.3%) pelajar perempuan yang menjawab soal selidik. Rata-rata responden berusia antara 18 - 21 tahun iaitu seramai 185 orang (61.7%) dan majoritinya berbangsa Melayu (n = 269,

89.7%). Responden yang terlibat merangkumi tiga jurusan iaitu Kaunseling seramai (n = 82, 27.3%), Ekonomi seramai (n = 107, 35.7%), serta Pengurusan Polisi dan Persekitaran Sosial (POSESO) seramai (n = 111, 37.0%) bagi tahun pengajian satu, dua (n = 99, 33.0%), dan tiga (n = 102, 34.0%).

Jadual 3: Demografi Responden

Ciri-ciri Demografi	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	140	46.7
Perempuan	160	53.3
Umur		
18-21	185	61.7
22-25	114	38.0
26-29	1	0.3
Bangsa		
Melayu	269	89.7
India	13	4.3
Cina	7	2.3
Lain-lain	11	3.7
Kursus Pengajian		
Kaunseling	82	27.3
Ekonomi	107	35.7
POSESO	111	37.0
Tahun Pengajian		
1	99	33.0
2	99	33.0
3	102	34.0

Instrumen

Instrumen kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu:

Bahagian A

Bahagian A merupakan soal selidik berkaitan dengan profil responden seperti jantina, umur, bangsa, kursus, dan tahun pengajian.

Bahagian B

Bahagian B mengukur ketagihan telefon pintar dengan menggunakan *Smartphone Addiction Scale - Short Version (SAS-SV)* yang dibentuk oleh Kwon, Kim, Cho, dan Yang (2013) dan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Siew, Yee, Vasudevan, Sazlyna, Wan Aliaa, Yoke, dan Fankee (2015). Instrumen ini merupakan versi pendek yang mengandungi sepuluh item sahaja bersesuaian dengan responden dalam kalangan remaja. Instrumen ini merupakan laporan sendiri (*self-report*) dan mempunyai enam subskala, iaitu 1- Sangat

Tidak Setuju, 2- Setuju, 3- Sederhana Tidak Setuju, 4- Sederhana Setuju, 5- Setuju, dan 6- Sangat Setuju serta mempunyai skor minimum sebanyak sepuluh, dan skor maksimum sebanyak 60. Skor yang tertinggi diinterpretasikan sebagai kesedaran diri terhadap keseriusan ketagihan telefon pintar (Luk, Wang, Shen, Wan, Chau, Oliffe, Viswanath, Chan, & Lam, 2018). Indeks kebolehppercayaan skala dalam kajian rintis ialah 0.85.

Bahagian C

Bahagian C mengukur ketagihan Internet dengan menggunakan *Internet Addiction Test (IAT)* yang diasaskan oleh Kimberly Young pada tahun 1996 yang mengandungi 20 item. Keseluruhan item meliputi kesan penggunaan Internet dalam mempengaruhi rutin harian, kehidupan bersosial, produktiviti, gaya tidur, dan perasaan. Selain itu, instrumen ini perlu dilengkapkan berdasarkan lima subskala yang diberikan, iaitu 1- Jarang, 2 - Kadang-kadang, 3 - Kerap, 4 – Kerap kali, dan 5 - Sentiasa serta mempunyai skor minimum

sebanyak 20 dan skor maksimum adalah sebanyak 100. Keputusan skor yang rendah, iaitu 20 - 39 diklasifikasikan sebagai pengguna secara purata dalam talian (normal), skor 40 - 69 menunjukkan pengguna kerap mempunyai masalah disebabkan Internet (sederhana), dan skor tertinggi 70 - 100 menandakan penggunaan Internet menyebabkan masalah dalam kehidupan seharian (teruk) (Widyanto & McMurrin, 2004). Indeks kebolehpercayaan skala dalam kajian rintis ialah 0.90.

Bahagian D

Instrumen untuk bahagian ini digunakan untuk mengukur pemboleh ubah kriteria iaitu hubungan sosial yang dikenali sebagai *Social Connectedness Scale - Revised (SCS-R)* oleh Lee dan Robbins pada tahun 1995. Ia merupakan laporan sendiri (*self-report*) yang mengandungi 20 item dan sepuluh item daripadanya adalah negatif. Jawapan diberikan melalui enam subskala bermula daripada subskala 1- Sangat Tidak Setuju dan 6- Sangat Setuju serta

mempunyai skor minimum sebanyak 20 dan skor maksimum sebanyak 120. Bagi pengiraan skor, nilai min 3.5 ke atas menunjukkan individu mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap hubungan sosial, manakala 3.5 ke bawah menunjukkan individu berasa mempunyai hubungan sosial yang rendah (Brown, 2013). Indeks kebolehpercayaan skala dalam kajian rintis ialah 0.84.

Analisis Data

Data yang diperoleh daripada borang soal selidik dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS)* versi 25. Statistik deskriptif seperti kekerapan, peratusan, dan min bagi profil demografi responden, tahap ketagihan telefon pintar, ketagihan Internet, dan hubungan sosial, manakala statistik inferensi seperti korelasi *Pearson*, dan regresi berganda digunakan bagi menguji hipotesis berkaitan hubungan ketagihan telefon pintar dan ketagihan Internet dengan hubungan sosial serta faktor peramal kepada hubungan sosial.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 4 menunjukkan analisis deskriptif bagi tahap ketagihan telefon pintar.

Jadual 4 : Analisis Tahap Ketagihan Telefon Pintar

Tahap	Frekuensi (orang)	Peratus (%)
Rendah	159	53.0
Tinggi	141	47.0
Jumlah	300	100

Jadual 4 menunjukkan tahap ketagihan, kekerapan, dan peratus bagi ketagihan telefon pintar. Menurut Luk *et al.* (2018), ketagihan telefon pintar diklasifikasikan kepada dua tahap, iaitu tinggi dan rendah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap ketagihan telefon

pintar responden berada di tahap yang rendah iaitu seramai 159 orang (53%) dan tahap yang tinggi seramai 141 orang (47%). Berdasarkan dapatan ini, tahap ketagihan telefon pintar dalam kalangan pelajar berada pada tahap yang rendah secara keseluruhannya.

Jadual 5: Analisis Tahap Ketagihan Internet

Tahap	Frekuensi (orang)	Peratus (%)
Normal	82	27.3
Sederhana	187	62.3
Teruk	31	10.3
Jumlah	300	100.0

Jadual 5 menunjukkan tahap ketagihan, kekerapan, dan peratus bagi ketagihan Internet. Data dianalisis melalui tiga klasifikasi keputusan skor, iaitu 20 - 39 (tahap normal), 40 - 69 (tahap sederhana), dan 70 - 100 (tahap teruk). Dapatan

kajian menunjukkan ketagihan Internet para pelajar berada di tahap yang sederhana, iaitu seramai 187 orang (62.3%), manakala tahap yang normal seramai 82 orang (27.3%), dan tahap teruk seramai 31 orang (10.3%).

Jadual 6: Analisis Tahap Hubungan Sosial

Tahap	Frekuensi (orang)	Peratus (%)
Rendah	47	15.7
Tinggi	253	84.3
Jumlah	300	100.0

Jadual 6 menunjukkan nilai min, kekerapan, dan peratusan bagi tahap hubungan sosial. Berdasarkan dua tahap, tinggi dan rendah bagi menggambarkan hubungan sosial responden, dapatan kajian mencatatkan sebanyak 15.7%

atau 47 orang responden mempunyai tahap hubungan sosial yang rendah, manakala 84.3% atau 253 orang responden mempunyai tahap hubungan sosial yang tinggi. Justeru, tahap hubungan sosial dalam kalangan pelajar adalah pada tahap yang tinggi.

Jadual 7: Analisis ujian Korelasi Pearson antara Ketagihan Telefon Pintar dan Hubungan Sosial

Pemboleh Ubah	N	r	p
Ketagihan Telefon Pintar Hubungan Sosial	300	-0.115	0.046

Nilai signifikan $p < 0.05$

Ujian korelasi Pearson digunakan untuk mengkaji hubungan antara ketagihan telefon pintar dengan hubungan sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara ketagihan telefon pintar

dengan hubungan sosial, iaitu ($r = -0.115$, $p < 0.05$). Hubungan negatif menunjukkan apabila ketagihan telefon pintar dalam kalangan pelajar meningkat, hubungan sosial mereka akan menurun. Justeru, hipotesis alternatif diterima.

Jadual 8: Analisis ujian Korelasi Pearson antara Ketagihan Internet dengan Hubungan Sosial

Pemboleh Ubah	N	r	p
Ketagihan Internet Hubungan Sosial	300	-0.312	0.000

Nilai signifikan $p < 0.01$

Dapatan kajian bagi analisis hubungan antara ketagihan Internet dengan hubungan sosial menunjukkan bahawa terdapat terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua

pemboleh ubah tersebut, iaitu ($r = -0.312$, $p < 0.01$). Hal ini bermaksud ketagihan Internet yang tinggi akan menyebabkan hubungan sosial yang rendah. Justeru, hipotesis alternatif diterima.

Jadual 9: Analisis Regresi Berganda bagi Ketagihan Telefon Pintar dan Ketagihan Internet terhadap Hubungan Sosial

Peramal	B	Ralat Piawai	Beta	t	Sig.
Ketagihan Telefon Pintar	0.079	0.054	0.098	1.455	0.147
Ketagihan Internet	-0.365	0.067	-0.369	-5.473	0.000

Dapatan kajian menunjukkan ketagihan Internet membawa kepada perubahan hubungan sosial secara signifikan dengan nilai $p < 0.05$ dan merupakan penyumbang terbesar berbanding ketagihan telefon pintar dengan nilai $\beta = -0.369$. Justeru, hipotesis alternatif bagi ketagihan Internet diterima, manakala hipotesis alternatif bagi ketagihan telefon pintar ditolak kerana nilai $p > 0.05$.

PERBINCANGAN

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor peramal yang mempengaruhi hubungan sosial dalam kalangan pelajar FPEPS. Dapatan menunjukkan ketagihan Internet merupakan penyumbang terbesar yang mempengaruhi hubungan sosial berbanding ketagihan telefon pintar. Dapatan ini disokong oleh Savci dan Aysan (2017) yang juga mendapati ketagihan Internet merupakan faktor peramal yang paling kuat dalam mempengaruhi hubungan sosial individu berbanding ketagihan telefon pintar. Hal ini demikian kerana Internet merupakan punca asas kepada ketagihan teknologi yang lain termasuk telefon pintar. Semua jenis peranti memerlukan Internet untuk mengakses ke sesuatu medium. Oleh itu, bagi menjelaskan ketagihan telefon pintar sahaja tidak kuat kerana ia hanya digunakan sebagai medium untuk mengakses sesuatu berdasarkan ciri-ciri dan kepelbagaian fungsi yang dimiliki untuk melayari Internet.

Selain itu, kajian oleh Choi *et al.* (2015) mengenal pasti bahawa salah satu faktor berisiko yang menyebabkan ketagihan Internet adalah

daripada penggunaan telefon pintar dan faktor berisiko kepada ketagihan telefon pintar ialah penggunaan Internet. Kedua-duanya memberi impak kepada pengurangan interaksi sosial individu dan masalah perhubungan. Justeru, dapat dilihat bahawa Internet ini merupakan satu sistem rangkaian untuk diakses dengan menggunakan teknologi yang lebih mudah, ringan, dan senang dibawa seperti telefon pintar. Kajian daripada Sha, Sariyska, Riedl, Lachmann, dan Montag (2019) mendapati bahawa kecelaruan penggunaan telefon pintar mempunyai perkaitan dengan kecelaruan penggunaan *Whatsapp* dan *Facebook*. Hal ini bermakna telefon pintar hanya sebagai alat teknologi yang digunakan untuk mengakses Internet.

Menurut Ryding dan Kaye (2018), Internet dikira sebagai entiti tunggal yang menjadi asas kepada perkhidmatan dan carian dalam talian dengan menggunakan pelbagai jenis peranti seperti komputer riba, *tablet*, dan juga telefon pintar yang mudah untuk dibawa ke mana sahaja. Kebolehcapaian Internet di mana-mana sahaja melalui peranti yang mudah, mendorong individu untuk lebih mengutamakan hubungan sosialnya secara maya berbanding realiti. Jika dibincangkan tentang dapatan kajian, tahap ketagihan telefon pintar pelajar FPEPS berada di tahap yang rendah, manakala ketagihan Internet di tahap yang sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar lebih mengalami ketagihan Internet berbanding telefon pintar.

Namun begitu, kedua-dua jenis ketagihan ini memberi impak yang sama terhadap hubungan sosial pelajar kerana mereka akan lebih mengutamakan dunia maya berbanding

realiti. Berdasarkan *Adult Attachment Theory*, gaya hubungan yang tidak selamat atau *insecurity* antara ibu bapa dengan anak menyumbang kepada ketagihan media. Hal ini demikian kerana pengalaman gaya hubungan yang diterima semasa kecil akan mendorong kebergantungan anak terhadap sesuatu objek yang dirasakan selamat dan memenuhi keperluannya semasa dewasa (Jennifer, 2018). Justeru, ketagihan telefon pintar dan Internet yang dialami mempunyai perkaitan dengan gaya hubungan yang diterima oleh pelajar dengan ibu bapa mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan atas dasar keprihatinan terhadap fenomena kini yang sedang berlaku kerana kedua-dua ketagihan telefon pintar dan Internet memberi impak yang negatif kepada hubungan sosial individu bersama orang-orang di sekelilingnya. Individu mengasingkan diri daripada masyarakat kerana terlalu memberi fokus kepada dunia maya sehingga melupakan realiti. Justeru, kajian ini membantu para pelajar untuk mengenal pasti tahap hubungan sosial mereka dan memahami impak yang berlaku apabila telefon pintar dan Internet digunakan secara berlebihan.

Namun begitu, kajian ini terhad kepada pelajar UMT khususnya FPEPS dan hasil dapatan kajian hanya boleh digeneralisasikan kepada mereka sahaja. Oleh itu, bagi menambah baik kajian yang dijalankan, beberapa saranan diberikan kepada pengkaji-pengkaji akan datang supaya memperluaskan skop pemilihan responden seperti pelajar di fakulti lain dan staf di UMT. Seterusnya, metodologi kajian juga disarankan untuk dilaksanakan secara kualitatif, iaitu kaedah menemu bual agar data dapat diperolehi dengan mendalam. Akhir sekali, konstruk kajian boleh diperincikan lagi dalam memahami impak lain yang boleh berlaku akibat ketagihan telefon pintar dan Internet.

RUJUKAN

- Almagor, R. C. (2011). Internet History. *International Journal of Technoethics*, 2(2), 45 - 64. https://www.researchgate.net/publication/215660523_Internet_History
- Bolle, C. (2014). "Who is a smartphone addict?" (Dissertation). <https://essay.utwente.nl/66307/1/Bolle%20Colin%20-s%201246933%20scriptie.pdf>
- Brown, L. (2013). *Social Connectedness Deficits in College Students with Schizotypy*. (Doctoral Dissertation). <https://pdfs.semanticscholar.org/9e6c/bc9ed12d0be496ebb6be69dc8168e3113ce5.pdf>
- Choi, S. W., Kim, D. J., Choi, J. S., Ahn, H., Choi, E. J., Song, W. Y., Kim, S., & Youn, H. (2015). Comparison of risk and protective factors associated with smartphone addiction and Internet addiction. *Journal of Behavioral Addictions*, 4(4), 308 - 314. <https://www.researchgate.net/publication/287808807>
- Dosselaar, C. V. (2017). *Smartphone addiction? There's an app for that!* (Dissertation). https://dspace.library.uu.nl/bitstream/handle/1874/357359/MAThesis_Smartphone_Addiction_Apps-Chloe_VanDosselaar-4066537pdf?sequence=2&isAllowed=y
- Garima, S. K., & Anita, P. S. (2014). The effect of internet addiction on depression, anxiety, social isolation and sleep pattern among youth. *Indian Journal of Applied Research*, 4(9), 507 - 511. <https://pdfs.semanticscholar.org/c0a0/cf79a53234aab0a42873bc2b2f20ff53bb.pdf>
- Jennifer, I. (2018). Social implications of children's smartphone addiction: The role of support networks and social engagement. *Journal of Behavioral Addictions* 7(2), 473 - 481. <https://akademaii.com/doi/full/10.1556/2006.7.2018.48>

- Khalid, A. (2017). Impact of internet on social connections in Family System: A survey study of residents in Lahore. *Arts and Social Sciences Journal*, 8(3), 1 - 6. <https://www.semanticscholar.org/paper/Impact-of-Internet-on-Social-Connections-in-Family-Khalid/6a30bbaa66543e0f747262ef22d7376d30b9e10b>
- Kwon, M., Kim, D. J., Cho, H., & Yang, S. (2013). The smartphone addiction scale: Development and validation of a short version for adolescents. *Plos One, Open Access*, 8(12), 1 - 8. <https://www.researchgate.net/publication/259589326>
- Luk, T. T., Wang, M. P., Shen, C., Wan, A., Chau, P. H., Oliffe, J., Viswanath, K., Chan, S. S. C., & Lam, T. H. (2018). Short version of the smartphone addiction scale in chinese adults: Psychometric properties, sociodemographic, and health behavioral correlates. *Journal of Behavioral Addictions*, 7(4), 1157 - 1165. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC6376375/>
- Mohammad, Q. A. (2017). Smartphone addiction: Critical Issues. *Global Journal of Addiction Rehabilitation Medicine*, 4(5), 001 - 002. <https://juniperpublishers.com/gjarm/GJARM.MS.ID.555646.php>
- New Research Press Briefing: Internet addiction: Review of Neuroimaging studies. (2014). <https://www.psychiatry.org/newsroom/news-releases/internet-addiction-review-of-neuroimaging-studies>
- Nik, N. A. A., Iza, S. S., Nor, A. H., & Norazilah, B. (2016). Disconnected marriage, connected internet: Exploring the internet addiction among married men and women in Selangor, Malaysia. *Journal of Education and Social Sciences*, 5(2), 157 - 165. <https://www.researchgate.net/publication/317577071>
- Panova, T., & Carbonell, X. (2018). Is smartphone addiction really an addiction? *Journal of Behavioral Addictions*, 7(2), 252 - 259. <https://www.researchgate.net/publication/325744681>
- Ryding, F. C. & Kaye, L. K. (2018). "Internet Addiction": A Conceptual Minefield. *Int J Ment Health Addiction*, 16, 225 - 232. Retrieved from <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/29491771>
- Saliceti, F. (2015). Internet Addiction Disorder (IAD). *Procedia Social and Behavioral Sciences* 19, 1372 - 1376. <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042815025525>
- Savci, M., & Aysan, F. (2017). Technological addictions and social connectedness: Predictor effect of internet addiction, social media addiction, digital game addiction and smartphone addiction on social Connectedness. *Journal of Psychiatry and Neurological Sciences*, 30(3), 202 - 216. http://www.dusunenadamdergisi.org/ing/DergiPdf/DUSUNEN_ADAM_DERGISI_43e6742f9eee4938a1cd926cb527588d.pdf
- Siew, M. C., Yee, A., Vasudevan, R., Sazlyna, M. S. L., Wan Aliaa, W. S., Yoke, L. F., & Fankee, H. (2015). Validation of a Malay version of the smartphone addiction scale among medical students in Malaysia. *Plos One, Open Access*, 10(10), 1 - 11. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC4592235/>
- Sha, P., Sariyska, R., Riedl, R., Lachmann, B., & Montag, C. (2019). Linking Internet Communication and smartphone use disorder by taking a closer look at the Facebook and WhatsApp applications. *Addictive Behavior Reports* 9, 1 - 9. <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S2352853218301561>
- Taylor, K., & Silver, L. (2019). Smartphone Ownership Is Growing Rapidly Around the World, but Not Always Equally. <https://www.pewresearch.org/global/2019/02/05/smartphone-ownership-is-growing-rapidly-around-the-world-but-not-always-equally/>

- Widyanto, L. & McMurrin, M. (2004). The psychometric properties of the internet addiction test. *Cyberpsychology & Behavior*, 7(4), 443 - 449. <https://www.researchgate.net/publication/8381344>
- Wong, K. C., Tho, F. L., & Sin, H. N. (2015). *Study of the relationship between smartphone addiction and loneliness among male and female undergraduates in Utar*. (Unpublished dissertation). Universiti Tunku Abdul Rahman, Kampar, Perak.

